

## SEJARAH KELAHIRAN SYIAH MENGIKUT TOKOH SYI'AH

Ada berbagai pendapat dikalangan puak-puak Syiah tentang kelahiran firqoh Syiah. Diantaranya :

1- Perkataan Syiah ini lahir sebelum kebangkitan Nabi saw. Golongan ini mendakwa Allah tidak akan mengutus seorang nabi melainkan ia menyeru kepada Imamah Ali secara suka atau tidak suka. Golongan ini berhujah dengan hadis mereka yang diriwayatkan dari Abi Hasan, beliau berkata: 'Walayah Ali' tertulis dalam semua suhf nabi-nabi, dan Allah tidak akan mengutuskan Rasul melainkan dengan kenabian Muhammad saw dan wasinya iaitu 'Ali.'<sup>1</sup> Abi Abdullah berkata; Walayah kami adalah walayah Allah, tidak ada seorang nabi pun diutus kecuali dengan walayah.<sup>2</sup>

Kenapa riwayat-riwayat ini hanya terdapat dalam riwayat Syiah Rafidhah sahaja? Dan kenapa ia tidak disebut dalam al Quran dan dalam hadith-hadith ASWJ?

2- Syiah Rafidhah mendakwa bahawa Nabi saw yang menanam asas benih Syiah. Syiah lahir di zaman Nabi saw kerana ada beberapa orang sahabat yang menjadi puak atau pengikut Ali. Seorang tokoh Syiah yang bernama al-Qumi mendakwa bahawa puak Syiah yang pertama adalah puak Syiah Ali bin Abi Talib, dikenali muslimun Syiah Ali pada zaman Nabi saw dan berpendapat Imamah hanya untuk Ali. Mereka terdiri dari al-Miqdad bin Aswad al-Kindi, Salman al-Farisi, Abu Dzar Jundub bin Junadah al-Ghifari dan Ammar bin Yaser al-Mudhaji. Merekalah yang pertama dikenali dengan Syiah dikalangan umat ini.<sup>3</sup> Pendapat ini dipersetujui oleh an-Naubakti<sup>4</sup> dan ar-Razi seorang tokoh Syiah Ismailiah, Muhammad Al Kashif al Ghi'tha<sup>5</sup> serta Muhammad Jawad Mughniah<sup>6</sup>

Kenapa Syi'ah mendakwa demikian?

i- Kerana mereka hendak menyabitkan bahawa perkataan Syiah adalah perkataan yang syari'e atau Islami.

---

<sup>1</sup> Al Kulaini-Usul al Kafi (1/437)

<sup>2</sup> An Nuri at Tabrasi-Mustadrak al Wasail (2/195) al Maalim al Zulfa m/s30.

<sup>3</sup> Al Maqalat wal Firaq m/s;15

<sup>4</sup> Firaq as Syiah m/s17

<sup>5</sup> Aslu as Syiah m/s43

<sup>6</sup> Ishna 'Ashar wa ahli Bait m/s29

ii- Dakwaan tersebut tidak ada dalil dari al Quran dan hadis. Begitu juga tidak ada fakta sejarah pun. Ia hanya rekaan puak Syiah. Pandangan ini adalah bercanggah dengan ajaran Islam, sedangkan Allah berfirman maksudnya “Sesungguhnya agama di sisi Allah adalah Islam”<sup>7</sup> dan bukan ajaran Syiah.

Ulamak Syiah yang bernama Muhammad al Kashif al Ghitha berkata pada zaman Abu Bakar dan Umar Syiah tidak ada peluang untuk muncul, kerana Islam berada di atas manhaj yang lurus.<sup>8</sup>

Begitu juga Muhammad Husein al A'mili mengiktiraf bahawa perkataan Syiah telah diabaikan selepas perlantikan Syaidina Abu Bakar sebagai khalifah, dan kesatuan umat Islam terus kekal hingga di akhir khalifah Othman.<sup>9</sup>

Sebenarnya nama Syiah bukan diabaikan, memang pada asalnya perkataan itu tidak wujud pun. Adakah umat Islam semasa zaman Nabi saw ada Syiah dan ada kumpulan lain? Dan adakah pada masa khalifah Abu Bakar, Umar dan Othman radhhum baru umat Islam bersatu?

iii- Dakwaan Syiah yang mengatakan hanya Ammar, Abu Dzar, Miqdad dan Salman yang dikenali dengan muslimun Syiah juga tidak ada nas dan bukti sejarah, bahkan ia adalah satu pendustaan kerana menolak keimanan Abu Bakar, Omar, Othman dan para sahabat yang lain.

Ibnu al Murtadha seorang Syiah dari puak Zaidiah berkata: “Sesungguhnya puak Syiah mendakwa bahawa Ammar, Abu Dzar al-Ghifari, al-Miqdad bin al-Aswad dan Salman al Farisi adalah generasi awal Syiah. Mereka mengatakan ‘imamah’ adalah hak Ali. Semua itu adalah dusta, kerana mereka tidak membebaskan diri dari Abu Bakar dan Umar dan juga tidak memaki hamun Abu Bakar dan Umar. Kenyataan memaparkan, Ammar menjadi gabenor di Kufah<sup>10</sup> dan begitu juga Salman menjadi gabenor di Madain semasa Umar menjadi khalifah<sup>11</sup>.<sup>12</sup>

3- Pendapat Ibnu Nadim “perkataan Syiah lahir ketika perang Jamal ketika Syaidina Ali keluar untuk memerangi Talhah dan Zubair supaya kembali ke jalan Allah. Orang-orang yang keluar bersama Ali pada hari tersebut dinamakan Syiah”.

---

<sup>7</sup> Ali Imran;19.

<sup>8</sup> Aslu as Syiah m/s48.

<sup>9</sup> As Syiah fi at Tarikh m/s 39-40.

<sup>10</sup> Ibnu A'thir-Asad al Ghabah(4/64) ; Ibnu Hajar- Al Isobah(2/506 ; Ibnu Abdul al Birr-Al Isti'ab (2/473).

<sup>11</sup> Tabaqat Ibnu Saad (4/87).

<sup>12</sup> Al Maniiyah wal Amal m/s 124-125 .

Ini adalah pendapat peribadi Ibnu Nadim. Sekali pun ia dikatakan sebagai sejarah kemunculan perkataan Syiah kerana ia lahir dari ucapan 'haza Syahti' yang bermaksud al-ansar (penolong) dan al ittiba' (pengikut) namun ia bukan bermaksud Ali yang berhak menjadi Imam selepas Nabi saw wafat Berdasarkan fakta sejarah, perkataan Syahti juga digunakan oleh Muawiyah kepada pengikutnya.

#### PENDAPAT SAHIIH BERKENAAN SEJARAH KELAHIRAN SYIAH

Asal-usul fikrah dan akidah Syiah adalah hasil ciptaan Abdullah bin Saba'. Perkara ini diakui dan diiktiraf dalam buku-buku rujukan Syiah. Sebagai contoh Abdullah bin Saba' adalah orang yang pertama mengatakan 'imamah' adalah hak Ali dan Ali adalah 'wasi Muhammad' yang bermaksud pewaris Muhammad. Inilah yang dijadikan bukti Ali sebagai 'imamah' dan 'wasi' selepas Nabi saw. 'Imamah' adalah asas atau rukun utama akidah Syiah.

Buku-buku Syiah juga mengakui bahawa Abdullah bin Saba' (Ibnu Saba') dan pengikut-pengikutnya yang pertama mencela Abu Bakar, Umar dan Othman dan para sahabat radhum. Sikap dan pendirian ini, bukan sahaja terdapat dalam buku-buku lama Syiah bahkan ulama'-ulama' mereka sehingga kini tanpa segan-silu mencerca, menghina dan mengkafir Khalifah Abu Bakar, Umar al-Khatib dan Othman radhum.

Hakikatnya ajaran Syiah diasaskan oleh seorang Yahudi yang berselindung di sebalik slogan cintakan Ahli Bait dengan tujuan untuk mengelabui, merosakan dan menghapuskan umat Islam atas nama Islam. Sedangkan Ahli Bait tidak ada hubungan dan tidak ada kaitan dengan dakwaan itu. Ahli Bait berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah.